

Surat khabar: Berita Harian (Nasional)

Hari/Tarikh: 8/6/2013

Muka surat: 12

Tajuk : UNIMAS Ambil 721 Pelajar Pra-universiti.

UNIMAS ambil 721 pelajar pra-universiti

Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang menerima 721 pelajar baru pra-universiti bagi sesi 2013/2014 semalam, mengadakan Majlis Ikrar Pelajar (MIP) di Arena Gemilang, Dewan Tun Abdul Razak (DETAR) Putra, Kampus UNIMAS di sini.

Terpilih daripada 7,000 pemohon lepasan sekolah, mereka akan mengikuti program asasi sains di Pusat Pengajian Pra-Universiti (PPPU).

Roziana Bantan, 18, yang berasal dari Kampung Sungai Kut Muara, Dalat, Mukah, berkata pelajar program pra-universiti UNIMAS turut menerima elaun RM1,960 daripada Kementerian Pendidikan.

“Saya memerlukan sokongan kewangan seperti itu kerana bapa saya (Bantan Amin, 58) hanya penanam pokok rumbia dengan pendapatan RM350 sebulan,” katanya.

Gadis Melanau anak kedua daripada empat beradik itu berkata, keputusannya mengikuti program pra-universiti bertujuan memudahkannya memohon mengikuti pengajian ijazah perubatan di UNIMAS jika mendapat keputusan cemerlang.

Patricia Bangi Baratong, 18, dari Bintulu memperoleh 7A dalam Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) memilih program berkenaan kerana mahu mendapat ijazah dalam tempoh empat tahun, lebih cepat berbanding mengikuti pengajian diploma.

“Saya memilih UNIMAS kerana kos belajar lebih murah berbanding kalau belajar di negeri lain dan tidak mahu menyusahkan bapa yang universiti awam di negeri lain, sekali gus tidak akan membebankan bapa yang bekerja sebagai pemandu.